

TARIKH	ISNIN, 19 FEBRUARI 2024
AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK ARTIKEL	MALAYSIA TERUS KETINGGALAN HASIL PENYELIDIKAN
M/S	1 – 2
BIDANG	SCIENCE AND TECHNOLOGY
KATA KUNCI	RESEARCH, MALAYSIA

Malaysia terus ketinggalan hasil penyelidikan?

Oleh AHMAD FADHLULLAH
ADNAN
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Banyak pihak mempersoalkan kejayaan daripada RM1.2 bilion dana penyelidikan yang diperuntukkan kerajaan sejak tiga tahun lalu dalam melonjakkan pertumbu-

han pelbagai sektor di negara ini. Kementerian Pendidikan Tinggi serta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) memperuntukkan RM400 juta pada 2021, RM423 juta (2022) dan RM428 juta (Belanjawan 2023), antara peruntukan terbesar diberikan kerajaan. Laporan Harta Perbadanan

Intelek (MyIPO) menunjukkan hanya 1,806 produk penyelidikan dari institusi pengajian tinggi awam (IPTA) didaftarkan atau dipatenkan sejak 2018 sehingga Ogos 2023. Kementerian serta agensi kerajaan pula telah menghantar 1,127 produk penyelidikan untuk didaftarkan atau dipatenkan

dalam tempoh sama. Presiden Majlis Profesor Negara (MPN), Profesor Emeritus Datuk Dr. Raduan Che Rose berkata, kecenderungan kajian penyelidikan ketika ini lebih tertumpu kepada tujuan akademik atau kemajuan kerjaya semata-mata.

Bersambung di muka 2

Malaysia terus ketinggalan hasil penyelidikan?

Dari muka 1

“Dengan jumlah kecil itu pula, kita tidak ada satu usaha serius yang strategik untuk menentukan semua hasil penyelidikan itu diterjemahkan kepada idea dan inovasi teknologi baharu bagi pembangunan industri dan ekonomi negara,” katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia.

Malaysia agak ketinggalan dalam pembangunan produk baharu berbanding negara maju sehingga menggagalkan usaha melonjakkan ekonomi terutama dalam sektor baharu.

Beberapa sektor utama juga tidak mengalami perubahan besar dalam tempoh beberapa dekad berikutan ketiadaan teknologi baharu seperti dalam sektor sawit dan getah.

Malaysia adalah pengeluar kelapa sawit kedua terbesar di dunia selain pernah menjadi pengeluar getah terbesar dunia. Kegagalan untuk menghasilkan serta mengkomersialkan produk dan teknologi juga menyebabkan negara ketinggalan berbanding Jepun dan Korea Selatan yang kini menjadi antara dua ekonomi terbesar di Asia.

Data Bank Dunia pada 2022 merekodkan Malaysia berada pada kedudukan 37 ekonomi di seluruh dunia berbanding Jepun dan Korea Selatan masing-masing dalam kelompok 10 teratas.

Kerajaan pada tahun lalu menyasarkan untuk meningkatkan ekonomi negara menjadi antara 30 ekonomi terbesar dunia dalam tempoh 10 tahun.

Raduan berkata, penyelidikan perlu bekerjasama dengan industri dan sektor ekonomi berkaitan bagi memastikan hasil kajian dan penyelidikan dapat dikomersialkan dan memberi manfaat kepada ne-

IPTA	JUMLAH PERMOHONAN	JUMLAH PENDAFTARAN*
Universiti Teknologi Malaysia	268	373
Universiti Malaya	80	327
Universiti Putra Malaysia	192	270
Universiti Kebangsaan Malaysia	188	214
Universiti Malaysia Pahang	151	163
Universiti Sains Malaysia	89	107
Universiti Teknologi Mara	76	87
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	55	65
Universiti Teknikal Malaysia Melaka	34	36
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia	47	32

*Jumlah pendaftaran paten merujuk kepada fail-fail permohonan paten bagi 2018 dan tahun sebelumnya setakat Ogos 2023. Sumber – MYIPO



Tidak ada satu usaha serius yang strategik untuk menentukan semua hasil penyelidikan itu diterjemahkan kepada idea.”

RADUAN CHE ROSE

gara.

Beliau juga mengkritik setengah penyelidikan di universiti yang menggunakan alasan penyelidikan bagi mendapat

jawatan lebih tinggi.

“Itu juga ditekankan menteri pendidikan tinggi supaya jangan terlalu ghairah (kejar) ranking, tetapi tentukan segala hasil akademik memberi manfaat,” katanya.

Dalam pada itu, Presiden Persatuan Pengguna Kedah (CAKE), Mohamad Yusrizal Yusoff berkata, sebarang peruntukan yang tidak memberi faedah kepada rakyat adalah pembaziran wang negara.

“Kalau bajet banyak tetapi rakyat tidak menikmatinya, jadi tidak tahu wang itu ke mana. Sedangkan kalau mahu bantu rakyat, apa sahaja peruntukan perlu ada impak kepada pengguna atau rakyat,” katanya.

DISEDIAKAN
OLEH

PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM